

犯罪被害補償金申請書 Borang Permohonan Pampasan Mangsa Jenayah

年度補審字第 _____ 號

Pertimbangan Semula No. Kes _____ Tahun _____

申請人 Pemohon	姓名 Nama	性別 Jantina	出生年月日 Tarikh Lahir (Tahun/Bulan/Hari)	國民身分證統一編號 (外國人者請填居留證號碼 或護照號碼) No. Kad Pengenalan ROC (Warganegara asing sila isikan No. Permit Tinggal / No. Pasport)	職 業 Pekerjaan
	地址 Alamat			聯絡電話及行動電話 No. Telefon & Telefon Bimbit	
	戶籍地： Alamat Tetap:				
	通訊地： Alamat Surat-Menyurat:				
代理人 Ejen	姓名 Nama	性別 Jantina	出生年月日 Tarikh Lahir (Tahun/Bulan/Hari)	國民身分證統一編號 (外國人者請填居留證號碼 或護照號碼) No. Kad Pengenalan ROC (Warganegara asing sila isikan No. Permit Tinggal / No. Pasport)	職 業 Pekerjaan
	地址 Alamat			聯絡電話及行動電話 No. Telefon & Telefon Bimbit	
	戶籍地： Alamat Tetap:				
	通訊地： Alamat Surat-Menyurat:				

被害人 Mangsa	姓名 Nama	性別 Jantina	出生年月日 Tarikh Lahir (Tahun/Bulan/Hari)	國民身分證統一編號 (外國人者請填居留證號碼 或護照號碼) No. Kad Pengenalan ROC (Warganegara asing sila isikan No. Permit Tinggal / No. Passport)	職業 Pekerjaan
	地址 Alamat			聯絡電話及行動電話 No. Telefon & Telefon Bimbit	
	戶籍地： Alamat Tetap:				
	通訊地： Alamat Surat-Menyurat:				
申請補償 之種類項 目及金額 Jenis dan Jumlah Pampasan yang Dimohon	<input type="checkbox"/> 遺屬補償金 <input type="checkbox"/> Pampasan untuk Ahli Keluarga Mangsa yang Meninggal	因被害人受傷所支出之醫療費	新臺幣	元	
		因被害人死亡所支出之殯葬費	新臺幣	元	
		因被害人死亡致無法履行之法定扶養義務	新臺幣	元	
		因被害人死亡致家屬心靈遭受痛苦之精神慰撫金			
			新臺幣	元	
		Perbelanjaan perubatan kecederaan mangsa		NT\$ _____	
		Perbelanjaan pengebumian mangsa		NT\$ _____	
	Pampasan untuk memenuhi obligasi tanggungan berkanun mangsa		NT\$ _____		
	Pampasan untuk melipurkan kesengsaraan jiwa ahli keluarga mangsa		NT\$ _____		
	<input type="checkbox"/> 重傷補償金 <input type="checkbox"/> Pampasan untuk Mangsa Cedera Parah	因被害人受傷所支出之醫療費	新臺幣	元	
		受重傷被害人所喪失或減少之勞動能力或增加之生活上需要	新臺幣	元	
		因被害人重傷致心靈遭受痛苦之精神慰撫金			
			新臺幣	元	
		Perbelanjaan perubatan kecederaan mangsa		NT\$ _____	
Pampasan untuk mangsa kehilangan atau pengurangan keupayaan kerja atau peningkatan keperluan sara hidup			NT\$ _____		
Pampasan untuk melipurkan kesengsaraan jiwa mangsa			NT\$ _____		

	<input type="checkbox"/> 性侵害補償金 <input type="checkbox"/> Pampasan untuk Mangsa Serangan Seksual	因被害人受傷所支出之醫療費 新臺幣 元 受性侵害被害人所喪失或減少之勞動能力或增加之生活上需要 新臺幣 元 因被害人被害致心靈遭受痛苦之精神慰撫金 新臺幣 元 Perbelanjaan perubatan kecederaan mangsa NT\$ _____ Pampasan untuk mangsa kehilangan atau pengurangan keupayaan kerja atau peningkatan keperluan sara hidup NT\$ _____ Pampasan untuk melipurkan kesengsaraan jiwa mangsa NT\$ _____
申請人與被害人 之關係 Hubungan antara Pemohon dengan Mangsa		<input type="checkbox"/> 本人 <input type="checkbox"/> 父母 <input type="checkbox"/> 配偶 <input type="checkbox"/> 子女 <input type="checkbox"/> 祖父母 <input type="checkbox"/> 孫子女 <input type="checkbox"/> 兄弟姐妹 <input type="checkbox"/> 其他 _____ <input type="checkbox"/> Sendiri <input type="checkbox"/> Ibu / Bapa <input type="checkbox"/> Suami / Isteri <input type="checkbox"/> Anak <input type="checkbox"/> Datuk / Nenek <input type="checkbox"/> Cucu <input type="checkbox"/> Adik-beradik <input type="checkbox"/> Lain-lain _____
補償金之支付 方式 Cara Pembayaran Pampasan		<input type="checkbox"/> 一次支付 <input type="checkbox"/> 分期付款 (分 期, 每期 個月) <input type="checkbox"/> Sekaligus <input type="checkbox"/> Ansuran (bayar _____ kali, setiap kali _____/bulan)
申請補償 金之事實 及理由 Fakta-fakta dan sebab-sebab	被害發生之狀 況及報案情形 Butiran semasa jenayah berlaku dan semasa membuat laporan polis	
permohonan pampasan	補償項目及金 額之說明及計 算方式 Huraian tentang jenis dan jumlah pampasan serta cara pengiraannya	

<p>被害人或其遺屬與加害人之關係及加害人之基本資料</p> <p>Hubungan antara mangsa jenayah atau ahli keluarganya dengan penjenayah serta maklumat asas penjenayah</p>	<p>加害人姓名：_____ 男<input type="checkbox"/> 女<input type="checkbox"/></p> <p>敘述：</p> <p>Nama Penjenayah:_____ Lelaki<input type="checkbox"/> Perempuan<input type="checkbox"/></p> <p>Huraian:</p>
<p>得申請補償金優先順序之說明</p> <p>Huraian tentang hak keutamaan untuk permohonan pampasan</p>	
<p>其他事實及理由</p> <p>Lain-lain fakta dan sebab</p>	
<p>已參加社會保險之項目</p> <p>Jenis insurans sosial yang disertai</p>	<p><input type="checkbox"/>全民健康保險 <input type="checkbox"/>勞工保險 <input type="checkbox"/>公教人員保險</p> <p><input type="checkbox"/>軍人保險 <input type="checkbox"/>農民健康保險 <input type="checkbox"/>學生團體保險</p> <p><input type="checkbox"/>就業保險 <input type="checkbox"/>強制汽車責任保險 <input type="checkbox"/>國民年金保險</p> <p><input type="checkbox"/>其他：</p> <p><input type="checkbox"/>Insurans Kesihatan Nasional <input type="checkbox"/>Insurans Buruh <input type="checkbox"/>Insurans Kakitangan Awam dan Guru</p> <p><input type="checkbox"/>Insurans Askar <input type="checkbox"/>Insurans Kesihatan Petani <input type="checkbox"/>Insurans Kumpulan Murid-murid</p> <p><input type="checkbox"/>Insurans Kerja <input type="checkbox"/>Insurans Liabiliti Automobil yang diwajibkan</p> <p><input type="checkbox"/>Insurans Anuiti Rakyat <input type="checkbox"/>Lain-lain:</p>
<p>已受有社會保險給付之項目及金額</p> <p>Jenis dan amaun pampasan yang diterima daripada insurans sosial</p>	

<p>已受有損害賠償給付之項目及金額 Jenis dan amaun pampasan ganti rugi yang telah diterima</p>	
<p>依其他法律規定得受金錢給付之項目及金額 Jenis dan amaun pampasan yang telah dituntut di bawah undang-undang lain</p>	
<p>檢 附 文 件 Lampiran</p>	
<p>此 致 臺灣 地方法院檢察署犯罪被害人補償審議委員會 Kepada, Jawatankuasa Pertimbangan Pampasan Mangsa Jenayah, Pejabat Pendakwaan Mahkamah Daerah _____, Taiwan</p> <p>申請人：_____ (簽章) Pemohon: _____ (Tandatangan)</p> <p>代理人：_____ (簽章) Ejen: _____ (Tandatangan)</p> <p>中 華 民 國 _____ 年 _____ 月 _____ 日 Tahun (ROC) Bulan Hari</p>	

Nota: Sila rujuk belakang untuk maklumat lanjut mengenai cara mengisi surat permohonan ini.

Garis Panduan Untuk Mengisi Borang Permohonan Pampasan Mangsa Jenayah

1. Sila isikan semua ruangan di bahagian “Pemohon”.
2. Jika terdapat lebih daripada seorang ahli keluarga mangsa yang ingin menuntut pampasan, setiap pemohon dikehendaki mengemukakan surat permohonannya masing-masing dan menyatakan jenis pampasan yang dimohon, amaun dan alasan untuk menuntut pampasan.
3. Sila kosongkan bahagian “Ejen”, jika tiada ejen yang dilantik.
4. Hanya tanda satu jenis pampasan sahaja di bahagian “Jenis Pampasan yang dimohon”.
5. Jenis dan jumlah maksimum pampasan adalah seperti berikut (Perenggan 1, 2, Perkara 9; dan Perenggan 1, 2, Perkara 5 Kaedah-kaedah Penguatkuasaan bawah Akta Perlindungan Mangsa Jenayah (dirujuk sebagai Akta ini di bawah):
 - (i) Pampasan untuk ahli keluarga Mangsa yang Meninggal dan jumlah maksimum tuntutan adalah seperti berikut:
 - 1) Jumlah pampasan yang dituntut ke atas perbelanjaan perubatan kecederaan mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 400,000.
 - 2) Jumlah pampasan yang dituntut ke atas perbelanjaan pengebumian mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 300,000.
 - 3) Jumlah pampasan yang dituntut untuk memenuhi obligasi tanggungan berkanun mangsa sepeninggalan mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 1,000,000.
 - 4) Jumlah pampasan yang dituntut untuk melipurkan kesengsaraan jiwa ahli keluarga Mangsa yang Meninggal, tidak boleh melebihi NT\$ 400,000.
 - (ii) Pampasan untuk mangsa cedera parah dan jumlah maksimum tuntutan adalah seperti berikut:
 - 1) Jumlah pampasan yang dituntut ke atas perbelanjaan perubatan kecederaan mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 400,000.
 - 2) Jumlah pampasan yang dituntut untuk mangsa kehilangan atau pengurangan keupayaan kerja atau peningkatan keperluan sara hidup tidak boleh melebihi NT\$ 1,000,000.
 - 3) Jumlah pampasan yang dituntut untuk melipurkan kesengsaraan jiwa mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 400,000.
 - (iii) Pampasan untuk mangsa serangan seksual dan jumlah maksimum tuntutan adalah seperti berikut:
 1. Jumlah pampasan yang dituntut ke atas perbelanjaan perubatan kecederaan mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 400,000.
 2. Jumlah pampasan yang dituntut untuk mangsa kehilangan atau pengurangan keupayaan kerja, atau peningkatan keperluan sara hidup tidak boleh melebihi NT\$ 1,000,000.
 3. Jumlah pampasan yang dituntut untuk melipurkan kesengsaraan jiwa mangsa, tidak boleh melebihi NT\$ 400,000.
6. Jikalau pemohon telah menerima pampasan daripada Insurans Sosial, pampasan ganti rugi ataupun telah menerima pampasan di bawah undang-undang lain sebagai mangsa kes jenayah, jumlah pampasan-pampasan yang tersebut di atas harus ditolak dari amaun “Pampasan Mangsa Jenayah” ini (Perkara 11, Akta ini). Jika terdapat perkara yang tersebut di atas, pemohon diminta agar tidak menyembunyikan sebarang fakta semasa mengisi borang ini.

7. “Insurans Sosial” adalah bermaksud Insurans Kesihatan Nasional, Insurans Buruh, Insurans Kakitangan Awam dan Guru, Insurans Askar, Insurans Kerja, Insurans Kesihatan Petani, Insurans Kumpulan Murid-murid, Insurans Liabiliti Automobil yang diwajibkan, Insurans Anuiti Rakyat dan lain-lain insurans sosial yang diakui oleh Jabatan Kehakiman bersama dengan pihak berkuasa yang berkenaan.
8. Hanya tanda satu jenis pilihan sahaja di bahagian “Hubungan antara Pemohon dengan Mangsa”. Jika pemohon memohon pampasan untuk mangsa cedera parah atau serangan seksual, sila tanda “sendiri”.
9. Sila tanda satu jenis cara pembayaran pampasan sahaja.
10. Di bahagian “fakta-fakta dan sebab-sebab permohonan pampasan”, pemohon dikehendaki mencatatkan perkara-perkara yang berikut (Jika anda mendapati tempat kosong tidak mencukupi, sila lampirkan kertas tambahan):
 - (i) Masa dan tempat berlakunya jenayah, butiran mangsa seperti nama, jantina, tarikh lahir, nombor kad pengenalan ROC (untuk warganegara asing, sila isikan nombor Permit Tinggal atau nombor passport), pekerjaan, tempat kerja, tempat kediaman, masa kematian atau maklumat terperinci semasa mengalami cedera parah dan semasa membuat laporan polis dan sebagainya.
 - (ii) Huraian tentang jenis dan jumlah pampasan serta cara pengiraannya
 - (iii) Hubungan antara penjenayah dengan mangsa atau ahli keluarganya, dan memberi maklumat asas tentang penjenayah dengan seberapa teliti yang boleh.
 - (iv) Jika pemohon ingin menuntut “Pampasan Untuk Ahli Keluarga Mangsa yang Meninggal”, pemohon dikehendaki memberi maklumat tentang hak keutamaan untuk permohonan pampasan.
 - (v) Lain-lain fakta dan sebab (Jika suatu permohonan rayuan untuk pertimbangan semula ke atas keputusan Jawatankuasa Pampasan Mangsa Jenayah difailkan, di mana Jawatankuasa Pertimbangan Pampasan Mangsa Jenayah gagal untuk membuat keputusan dalam tempoh masa yang ditentukan, sila nyatakan fakta ini di ruangan “Lain-lain fakta dan sebab”).
11. Ahli-ahli keluarga yang berkelayakan untuk menuntut pampasan adalah seperti berikut (mengikut hak keutamaan) (Perkara 6, Akta ini):
 - (i) Ibu bapa, suami / isteri dan anak
 - (ii) Datuk dan nenek
 - (iii) Cucu
 - (iv) Adik-beradik

Untuk datuk dan nenek, cucu atau adik-beradik yang memohon pampasan untuk obligasi tanggungan berkanun yang tidak dapat dipenuhi oleh mangsa selepas kematian mangsa, hanya terhad kepada mereka yang sara hidupnya tergantung kepada mangsa yang mati sahaja.

12. Jika terdapat mana-mana satu keadaan dari yang berikut, pemohon tidak layak untuk memohon Pampasan untuk Ahli Keluarga Mangsa yang Meninggal S (Perkara 8, Akta ini):
 - (i) Pemohon secara sengaja atau kecuaiannya menyebabkan kematian mangsa.
 - (ii) Sebelum kematian mangsa, pemohon secara sengaja menyebabkan kematian seseorang ahli keluarga mangsa, di mana ahli keluarga ini mempunyai hak keutamaan yang terdahulu atau sama dalam perihal menuntut pampasan.
 - (iii) Selepas kematian mangsa, pemohon secara sengaja menyebabkan kematian seseorang ahli keluarga mangsa, di mana ahli keluarga ini mempunyai hak keutamaan yang terdahulu atau sama dalam perihal menuntut pampasan.
13. Di bahagian “Lampiran”, sila senaraikan nama dokumen-dokumen yang dilampirkan, seperti sijil kematian mangsa atau lain-lain dokumen yang boleh membuktikan kematian mangsa, pendaftaran isi rumah atau lain-lain dokumen yang dapat membuktikan hak keutamaan ahli keluarga, resit pembayaran rawatan perubatan atau pengebumian mangsa, laporan polis dan dokumen-dokumen yang berkaitan.
14. Mengikut undang-undang, sesiapa yang ingin menuntut pampasan mangsa jenayah hendaklah menghantar permohonan bertulis kepada Jawatankuasa Pertimbangan Pampasan Mangsa Jenayah yang terletak di tempat kejadian kes jenayah. Oleh itu, sila nyatakan nama dan tempat pejabat pendakwaan mahkamah daerah tertentu di bawah tadbiran Jawatankuasa Pertimbangan Pampasan Mangsa Jenayah yang akan memproses tuntutan pampasan ini.
15. Surat permohonan ini perlu ditandatangani atau dicap oleh pemohon. Sekiranya ejen dilantik untuk mengendalikan permohonan, pemohon dan ejen perlu menandatangani atau cap di atas surat permohonan disertai dengan surat perlantikan.
16. Borang permohonan ini perlu dicatatkan dengan tarikh permohonan.
17. Ringkasan peraturan-peraturan yang berkaitan dalam Akta ini:
 - (i) Jika terdapat mana-mana satu keadaan yang tersebut di bawah, pampasan tidak akan diberikan untuk semua atau sebahagian daripada kerugian mangsa (Perkara 10, Akta ini):
 - 1) Jika kecederaan mangsa disebabkan oleh mangsa itu sendiri.
 - 2) Jika selepas mengambil kira hubungan antara mangsa atau ahli keluarga mangsa dengan penjenayah, dan lain-lain faktor yang berkenaan, didapati bahawa pembayaran wang pampasan adalah tidak sesuai mengikut pandangan dari segi moral dan sosial yang umum.

- (ii) Jika terdapat mana-mana satu daripada keadaan yang tersebut di bawah, penerima dikehendaki memulangkan wang pampasan mangsa jenayah yang telah diterima (Perkara 13, Akta ini):
 - 1) Jikalau pemohon telah menerima pampasan daripada Insurans Sosial, pampasan ganti rugi atau pampasan bawah undang-undang lain sebagai mangsa kes jenayah, jumlah pampasan yang diterima atau akan diterima olehnya di bawah tuntutan yang lain hendaklah dipulangkan.
 - 2) Jika siasatan menunjukkan bahawa pemohon tidak layak untuk memohon pampasan mangsa jenayah, pemohon dikehendaki memulangkan semula semua wang pampasan yang telah diterima.
 - 3) Jika penerima pampasan mangsa jenayah didapati memohon pampasan melalui penipuan atau lain-lain kaedah yang tidak jujur, dia dikehendaki memulangkan semula segala pampasan yang diterima, disertai dengan faedah yang dikira mulai tarikh penerimaan pampasan.
- (iii) Permohonan untuk pampasan mangsa jenayah tidak akan diterima, jika jenayah tersebut telah berlaku lebih dari dua (2) tahun mulai perlakuan jenayah yang diketahui oleh pemohon, atau telah berlaku lebih dari lima (5) tahun mulai perlakuan jenayah tersebut (Perkara 16, Akta ini).
- (iv) Akta ini tidak sah bagi rakyat negara China yang menjadi mangsa jenayah dimana jenayah berlaku di negara China tersebut (Perkara 32, Akta ini).
- (v) Pemohon yang memohon pampasan di bawah Akta ini, adalah terhad kepada kes-kes perbuatan jenayah atau akibat perbuatan jenayah yang berlaku selepas pelaksanaan Akta ini (Perkara 34, Akta ini).